

24 FEB 1998

AGONG UTUS PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA KUWAIT

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengutus perutusan tahniah kepada Amir Kuwait Sheikh Jaber Al-Ahmad Al-Sabah sempena Hari Kemerdekaan ke-37 negara itu hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan tahniah kepada Putera Mahkota merangkap Perdana Menteri Kuwait Sheikh Saad Al Abdullah Al Salim Al Sabah, menurut kenyataan Wisma Putra.

Dr Mahathir melahirkan harapan agar kedua-dua negara akan terus bekerjasama erat ke arah mengukuhkan lagi hubungan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar perutusan yang sama kepada Timbalan Perdana Menteri Pertama merangkap Menteri Luar Kuwait Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah.

Dalam kenyataan berasingan, Wisma Putra berkata Tuanku Ja'afar menyampaikan ucapan tahniah kepada Kim Dae Jung sempena pelantikannya sebagai presiden baru Korea Selatan hari ini.

Seri Paduka yakin bahawa di bawah kepimpinan Kim, hubungan mesra di antara kedua-dua negara akan dipereratkan lagi.

Dr Mahathir dalam perutusannya berkata beliau berharap hubungan di antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan. -- BERNAMA

HAK AKD